

22 APR 1999

Mahathir-IT

INFRASTRUKTUR IT AKAN TERUS DIBANGUNKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Kerajaan akan terus membangun dan mengembangkan infrastruktur teknologi maklumat (IT) bagi mewujudkan industri berasaskan teknologi serta menanam budaya IT di kalangan rakyat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sehubungan itu, katanya, satu agenda strategik meliputi lima bidang utama iaitu E-Ekonomi, E-Perkhidmatan Awam, E-Pembelajaran, E-Komuniti dan E-Kedaulatan akan dikaji bagi menyediakan Malaysia menghadapi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Katanya, pertumbuhan yang pesat dalam rangkaian telekomunikasi terutamanya penggunaan Internet di seluruh dunia akan mempercepatkan aplikasi perdagangan elektronik dalam pasaran yang lebih luas.

"Saya gembira untuk menyatakan bahawa dalam tempoh tiga tahun akan datang, kita akan mempunyai asas pengguna yang kukuh bagi perdagangan elektronik, apabila kita mencapai matlamat satu juta pengguna Internet," katanya semasa membentangkan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) di Dewan Rakyat di sini.

Beliau berkata kerajaan akan menggubal satu pelan induk bagi memastikan pembangunan perdagangan elektronik berjalan secara teratur.

Dr Mahathir berkata, perubahan pesat IT dan multimedia akan mewujudkan pelbagai peluang perniagaan baru serta perdagangan elektronik, yang akan memberi cabaran kepada perniagaan domestik, terutamanya dalam sektor perkhidmatan.

"Di bawah Kajian Separuh Penggal ini, Kerajaan telah menambah peruntukan bagi kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang terlibat dalam program dan projek Teknologi Maklumat (IT) kepada RM4 bilion," katanya.

Beliau berkata projek Koridor Raya Multimedia (MSC) akan terus menerajui pembangunan IT dengan pembangunan Cyberjaya, "bandar pintar" pertama di Malaysia, kini berjalan dengan pesat.

Bagi memperkukuhkan bidang sains dan teknologi (S&T), Perdana Menteri berkata kerajaan telah menambah peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada RM1.1 bilion, bagi meningkatkan keupayaan serta kebolehan tempatan dalam inovasi saintifik dan teknologi.

Perdana Menteri berkata penyertaan dan pelaburan sektor swasta dalam R&D adalah penting kerana mereka perlu memastikan penyediaan teknologi yang sesuai dan berdaya maju untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang.

Dr Mahathir berkata bagi meningkatkan pembangunan sektor perkhidmatan, kerajaan akan memperhebatkan usaha bagi mencapai matlamat mewujudkan sektor perkhidmatan moden dan berorientasi luaran, bagi memperkukuh dan memperluaskan asas ekonomi negara.

Katanya, dorongan utama bagi pertumbuhan sektor perkhidmatan adalah daripada sub-sektor pengangkutan udara dan laut, pelabuhan, insurans, kewangan, pelancongan, pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan perundingan.

Malaysia akan dibangunkan sebagai pusat pengangkutan serantau menerusi Pelabuhan Klang, sebagai pusat pemindahan kargo dan muatan serantau, manakala Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) menjadi pusat penerbangan serantau, katanya.

Selain itu, kerajaan juga akan menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan berusaha mempromosi pelancongan berasaskan perkhidmatan kesihatan, melalui pusat perubatan swasta yang berupaya menyediakan kemudahan moden dan perkhidmatan kepakaran bertaraf

dunia.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus memajukan industri pelancongan negara dengan menggalakkan produk pelancongan "eco-tourism", sukan dan "adventure tourism".

Kerajaan juga akan memajukan negara sebagai pusat persidangan, konvensyen dan pameran antarabangsa serta pusat sukan antarabangsa, melalui kemudahan Kompleks Sukan Bukit Jalil, kemudahan sukan golf serta litar Formula 1 Sepang.

"Bagi menyokong usaha sektor swasta, pembangunan dan penyelenggaraan prasarana pelancongan, seperti kemudahan pengangkutan dan rekreasi akan terus diberi sokongan," katanya.

-- BERNAMA

HS RI